

AURAT : APA PANDANGAN ISLAM

MINAH BT DIBOK

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang
26400, Bandar Jengka, Pahang

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan persoalan aurat pada pandangan Islam merangkumi aurat lelaki bersama lelaki, ketika dalam solat, aurat wanita ketika solat, dihadapan mahram, ketika bersama wanita bukan Islam dan aurat wanita dengan bukan mahramnya. Disamping itu, penulis membincangkan juga aurat suara perempuan apabila berhadapan dengan bukan mahramnya, agar kita sebagai umat Islam akan menjaga aurat yang merupakan persoalan yang amat penting dalam kehidupan.

PENDAHULUAN

Makhluk bergelar wanita adalah makhluk yang indah dan menarik bukan sahaja dari sudut suaranya malah dari sudut fizikalnya yang menarik pandangan mata, oleh itu Islam mewajibkan wanita dan juga lelaki melaksanakan kewajipan menutup aurat agar ujudnya nilai-nilai kemanusiaan dalam hidup mereka disamping pengisian rohani yang mantap terhadap nilai-nilai ibadah samada ibadah khusus atau ibadah umum.

PENGERTIAN AURAT

Aurat dari sudut bahasa ialah suatu kekurangan dan suatu suatu yang buruk(1). Secara mudahnya aurat dapatlah dertiikan sebagai bahagian anggota badan sama ada anggota badan lelaki atau perempuan yang diwajibkan oleh syarak menutupnya dari pandangan mata(2).

Menutup aurat dari pandangan adalah menjadi kemestian sama ada daripada pandangan mata manusia, jin atau malaikat. Hanya pakaian sahaja yang boleh menyekat pandangan jin dan malaikat. Bukti yang menunjukkan pandangan malaikat itu akan terhalang di sebabkan oleh pakaian Saiyidatina Khadijah R.A. yang meminta

Rasulullah S.A.W. memberitahunya sewaktu malaikat datang kepadanya lalu apabila Jibril A.S datang, Saiyidatina Khadijah menanggalkan kain tudung dari atas kepalanya. Tujuannya ialah untuk menguji apakah yang datang itu malaikat atau bukan. Apabila beliau menurunkan tudung itu terus baginda memberitahu bahawa malaikat sudah pergi ,maka dengan itu dapatlah beliau mengetahui bahawa yang datang itu adalah malaikat. Kerana malaikat tidak akan melihat perempuan ajnabiah tanpa tudung (yang terdedah auratnya) (3).

AURAT LELAKI BERSAMA LELAKI

Aurat lelaki yang wajib ditutup dari pandangan lelaki lain ialah bahagian anggota diantara pusat dan lututnya.Ini bererti seorang lelaki tidak diharuskan melihat kepada aurat seorang lelaki lain yang terletak diantara pusat dan lututnya .Inilah pendapat jumhur Ulama yang berdasarkan kepada beberapa buah hadith yang sahih daripada Rasulullah S.A.W. diantaranya (4) bermaksud :

“ Bahagian anggota yang terletak di atas dua lutut adalah termasuk ke dalam aurat, dan bahagian anggota yang dibawah bawah adalah termasuk ke dalam aurat”.

Dalam hadith lain, Rasulullah S.A.W. telah bersabda maksudnya :

“Seorang lelaki dilarang melihat aurat lelaki lain dan juga seorang perempuan dilarang melihat aurat perempuan lain.”

Rasulullah SAW bukan sahaja melarang kita melihat aurat orang lain tetapi baginda juga melarang kita mendedahkan aurat kita biarpun kita keseorangan. Sabda Rasulullah S.AW :

“Jauhilah perbuatan berbogel ,sesungguhnya ada bersama kamu orang yang tidak berpisah dgn kamu kecuali ketika membuang air besar atau kecil dan ketika seorang lelaki bersetubuh dengan isterinya.”

AURAT LELAKI DI DALAM SOLAT

Aurat lelaki dalam solat pada semua lelaki dan perempuan yang mahramnya ialah barang yang di antara pusat dan lutut. Dalam hal ini pusat dan lutut itu bukan aurat tetapi dianjurkan supaya ditutup kerana ianya sempadan bagi aurat. Ini berdasarkan qaidah usul fiqh.(5)

“Barang yang tiada sempurna yang wajib melainkan dengan dia, maka ia adalah menjadi wajib juga.”

AURAT WANITA KETIGA SOLAT

Mazhab Fuqaha telah berselisih pendapat mengenai had aurat seseorang perempuan ketika solat ialah seluruh badannya termasuklah rambutnya yang turun melewati dua telinganya juga termasuk muka. Menurut fuqaha mazhab Hanafi, had aurat seorang wanita yang merdeka ketika didalam solat ialah seluruh tubuh badannya sehingga termasuk juga rambutnya yang terjuntai di atas dua telinganya. Ini kerana Rasulullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud “seseorang perempuan itu adalah aurat”

Fuhaqaha mazhab Hanafi telah mengecualikan dua tapak tangan dari hukuman aurat, tetapi mereka mengecualikan belakang kedua-duanya dari hukuman tersebut. Begitu juga mereka mengecualikan dua kekura kaki sementara kedua dua tapaknya pula masih mereka anggap sebagai aurat. Ini bererti pada pandangan fuqaha Hanafi, solat seseorang perempuan yang terbuka atau terdedah dua tapak tangan dan dua kekura kaki adalah sah. Sebaliknya tidak sah solat jika terdedah dua belakang tangan dan dua tapak kaki. Jika ketika menunaikan solat terdedah anggota anggota tersebut wajib ia mengulangi solat pada waktu itu ataupun sesudah itu.

Menurut fuqaha mazhab Shafie had aurat seseorang perempuan ketika dalam solat ialah seluruh badannya kecuali muka dan tapak tangan. Samada belakang ataupun perut kedua dua tapak tangan tersebut. Selain daripada itu, maka semua anggotanya dikira aurat hinggalah rambutnya yang terjuntai dari atas dua telinga dan juga kedua dua kakinya yang termasuk kekura dan tapak kedua-duanya .

Jika terbuka auratnya ketika solat padahal ia boleh menutupnya, maka terbatallah solat. Sakiranya auratnya terdedah disebabkan oleh tiupan angin, lalu ia menutupnya dengan segera tanpa banyak pergerakan maka solatnya tidak batal, tetapi jika pendedahan itu berlaku bukan kerana tiupan angin seperti disebabkan oleh sentuhan binatang ataupun kanak kanak lelaki yang belum mumayyiz maka terbatallah solat itu . Fukaha mazhab Maliki membahagikan aurat seorang perempuan itu terbahagi kepada dua jenis : Aurat mughallazah dan aurat mukhaffafah.

- a) Aurat mughallazah bagi seorang perempuan yang merdeka ialah seluruh badannya kecuali hujung jari tangan dan kakinya dan juga dadanya serta bahagian belakang yang separas dengan dadanya .
- b) Aurat mukhaffafah pula ialah dada, bahagian belakang yang separas dengan dada, dua lengan, leher, kepala dan anggota bermula dari lutut hingga

kehujung kaki, sementara muka dan dua tapak tangan sama ada bahagian belakangnya adalah bukan aurat.

Sesiapa yang menunaikan solat dalam keadaan terbuka auratnya yang Mughallazah sedangkan ia mampu mendapatkan kain untuk menutupnya maka secara mutlak terbatallah solat. Sementara aurat mukhaffafah jika terdedah kesemua atau sebahagian maka tidak batal solat itu tetapi disunatkan mengulangi solat itu didalam waktunya. Oleh itu, perempuan yang merdeka dikehendaki mengulangi solatnya yang telah ditunaikan didalam waktunya jika sewaktu ia menunaikan solat terdedah kepalanya, lehernya, bahunya, lengannya, buah dadanya, dadanya, bahagian belakang yang sama paras dengan dadanya, lutut, betis hingga ke hujung kakinya, sama ada kekura atau tapak kakinya biarpun tapak kakinya dihukum sebagai aurat mukhaffafah. Oleh itu, jelas bahawa sekurang-kurangnya pakaian yang harus bagi seorang perempuan ketika solat mestilah tebal, labuh, yang dapat menutup kedua betisnya dan juga sehelai baju dan khimar yang tebal.

MASALAH TIDAK MAMPU MENUTUP AURAT KETIGA SOLAT

Adapun yang tidak mampu menutup auratnya seperti dipenjara tanpa pakaian, dipaksa dan lain-lain, ia wajib solat dengan telanjang dan tidak diwajibkan mengulanginya. Sekalipun ia dilitupi oleh najis padahal ia tidak mampu mencucinya seperti diikat tangan dan lain-lain, seandainya seseorang itu mampu mencuci najis tersebut, wajib dicuci sekalipun sampai waktu terlewati.

Apabila hanya mampu menutup sebahagian aurat wajib menutupi sesuai dengan kemampuannya itu. Dalam hal ini, diutamakan qubul dan dubur, kalau tak cukup, qubul dahulu baru dubur. Kalau hanya memiliki tutup kain sutera, tidak boleh telanjang hendaklah tutup dengan kain sutera tersebut kerana memakai sutera itu dihukumi mubah jika ada kepentingan.

Jika tidak mempunyai pakaian, ia wajib melumuri auratnya dengan lumpur atau dengan yang lain.(6) Sunnah bagi orang solat untuk mengenakan pakaian baik dan indah.

AURAT WANITA DI HADAPAN MAHRAMNYA

Aurat wanita di hadapan perempuan yang muslimat dan pada lelaki yang menjadi mahramnya ialah barang antara pusat dan lutut seperti aurat lelaki dalam solat. Walau bagaimanapun untuk menjaga adab dan untuk memelihara daripada berlakunya perkara-perkara yang sumbang, seperti sumbang mahram yang berlaku sekarang,

maka perlulah ditutup daripada barang antara pusat dan lutut iaitu bahagian-bahagian tubuh yang mengurkan nafsu (7).

Sementara menurut fuqaha mazhab Maliki had aurat seseorang perempuan di hadapan para muhrimnya yang lelaki ialah kesemua tubuh badannya kecuali muka dan bahagian akhir atau tepi anggotanya seperti kepala, leher atau tengkuk, dua tangan dan dua kaki. Menurut fuqaha mazhab Hambali, had aurat dihadapan para muhrimnya ialah seluruh badanya kecuali muka, tengkok/leher, kepala, dua tangan, kaki dan betis.

AURAT WANITA DENGAN WANITA BUKAN ISLAM

Ulama berselisih pendapat dalam masalah ini berdasarkan kepada maksud *damir* yang digabungkan dengan Firmannya (perempuan mereka). Seperti dalam surah Al-Nur ayat 31. Adakah perempuan yang dertiikan dari perkataan ‘*Hunna*’ itu bermaksud perempuan muslimat sahaja, ataupun maksudnya umum yang meliputi perempuan muslimat dan juga bukan muslimat ataupun ia bermaksud hanya perempuan-perempuan khusus yang dikenali melalui persahabatan, perkhidmatan dan perkenalan sama ada mereka itu muslimat ataupun bukan muslimat.

Bagi mereka yang mentafsirkan maksud ‘*Hunna*’ itu dengan erti “mereka perempuan-perempuan muslimat” sahaja, berpendapat adalah tidak harus bagi perempuan muslimat mendedahkan sebarang aurat mereka biarpun yang lain selain dari anggota yang terletak di antara pusat dan lutut di hadapan seseorang *kafirah* seperti mana yang harus mereka lakukan jika mereka berhadapan dengan perempuan muslimah. Kedudukan perempuan *kafirah* di dalam masalah ini samalah dengan kedudukan lelaki ajnabi. Inilah pendapat yang menjadi pegangan sekumpulan fuqaha mazhab Shafie dan ia juga merupakan pendapat Umar ibnu Abbas, Mujahid, ibnu Juraij dan lain-lain yang sebahagian besarnya dari golongan ulama salaf.

Diriwayatkan bahawa Umar R.A., pernah menulis surat kepada Abu Ubaidah bin al-Jarrah katanya :

“Sesungguhnya telah sampai kepengetahuan saya bahawa orang-orang perempuan Ahl al-Dhimmah telah masuk ke dalam bilik-bilik mandi bersama-sama perempuan-perempuan muslimat, maka hendaklah kamu melarang perkara yang sedemikian dan menyekatnya dari terus berlaku kerana tidak diharuskan bagi seseorang perempuan dhimmiyah melihat aurat perempuan muslimat.”

Begitu juga kata ibnu Abbas:

“Adalah tidak harus seorang perempuan muslimah dilihat oleh perempuan yahudi atau nasrani.”

Bagi mereka yang mengatakan bahawa maksud ‘hunna’ itu ialah orang perempuan secara umumnya samada^q muslimat ataupun bukan muslimat, berpendapat adalah harus bagi perempuan muslimat mendedahkan aurat mereka dihadapan kafirah sama seperti kedudukan mereka di hadapan perempuan muslimat, dengan ini para muslimat, menurut pendapat ini, diharuskan mendedahkan auratnya dihadapan kafirah selain daripada anggota yang terletak di antara pusat dan lutut. Ini adalah pendapat ulama mazhab Hambali, dan juga salah satu pendapat fuqaha mazhab Hanafi dan Shafie, dan juga ibnu Al-Arabi(8).

Pendapat di atas adalah lebih sesuai buat masa sekarang dan ia di setujui oleh Al-Maududi, seorang ulama terkenal, kerana kedudukan pergaulan sekarang ini di antara muslim dan bukan muslim memang tidak dapat dielakkan. Cuma yang menjadi ukuran ialah wanita-wanita kafirah tersebut mestilah yang terhormat dan mulia (tinggi peribadinya). Sementara itu apabila muslimat berhadapan dengan perempuan fasiq dan tidak berakhhlak, maka wajiblah mereka menutup aurat kerana mendampingi mereka tidak kurang bahayanya dari mendapingi lelaki ajnabi. Bukti ini ialah menularnya gejala lesbian, dan bermacam macam gejala sosial yang lain yang wujud dalam masyarakat kita hari ini.

Kesimpulanya, ulama semasa mengharuskan wanita Islam membuka aurat yang mukhafafah apabila berhadapan dengan wanita kafirah yang bermoral dan tinggi peribadinya sebagaimana ia berhadapan dengan wanita Islam berakhhlak. Berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Imran ayat 28 yang bermaksud :-

“Allah hendak memberikan keringanan kepadamu dan manusia dijadikan bersifat lemah.”

Apakah hukuman penempatan muslim dengan bukan muslim di dalam sebuah bilik? Mengikut resolusi yang dibuat oleh lembaga rujukan hukum syariah Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, UKM telah memutuskan berdasarkan kepada penyelidikan dan kajian daripada ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. dan kitab-kitab tafsir, hadis dan fekah yang muktabar adalah dilarang sama sekali orang Islam tinggal bersama-sama dengan orang-orang bukan Islam dalam keadaan sebilik dan kalau keadaan itu sudah berlaku maka wajiblah dipisahkan diantara kedua-duanya. Kenyataan ini berdasarkan beberapa dalil Al-Quran dan hadis seperti berikut :

“ Maka janganlah kamu duduk beserta mereka (orang-orang kafir) sehingga mereka memasuki perbicaraan yang lain, tentulah kamu serupa dengan mereka”.

Surah An-Nisa' : 140

Perkataan al-Aulia' di dalam surah Ali 'Imran ayat 28, ditafsirkan oleh al-Alusi (Roh al-Ma'ani 3 : 120) dengan erti teman-teman yang akrab. Ayat tersebut adalah sebahagian daripada ayat al-Quran yang melarang orang Islam menjadikan orang kafir sebagai teman yang akrab bagi diri mereka. Kalauolah orang-orang Islam di larang daripada bergaul rapat dan terlalu bermesra dengan mereka, tidakkah tinggal sebilik dengan mereka itu bercanggah dengan kehendak ayat ini ?

Sementara dalil hadis ialah Hadith riwayat Abu Daud di dalam sunannya bermaksud :

“Sesiapa (di kalangan orang islam) yang bergaul dengan seorang musyrik dan tinggal bersama-sama denganya, maka orang itu adalah sepertinya (iaitu menjadi seperti orang musyrik itu)”

Di dalam riwayat lain Rasulullah S.A.W telah bersabda bermaksud;

“Janganlah kamu (orang Islam) tinggal bersama-sama dengan orang musyrik dan janganlah kamu bergaul dengan mereka dengan itu sesiapa diantara kamu yang tinggal bersama mereka dan bergaul rapat dengan mereka maka iaang itu akan menjadi sebahagian daripada mereka”

Sabda Rasulullah S.A.W lagi yang bermaksud ;

“Saya tidak terlibat dengan (dosa) tiap Muslim yang terus tinggal bersama dengan orang musyrikin yang kedua-dua mereka (tidak boleh berdampingan) umpama dua api yang tidak dapat bertembung.”

Kesimpulannya dalam masalah tinggal sebilik di antara muslim dan bukan Muslim, umat Islam hendaklah berpegang kepada arahan Allah dan Rasul walaupun bertentangan dengan penghayatan masyarakat hari ini, kerana dalam masalah akidah tiada tolak ansur yang dibenarkan oleh Islam, tambahan pula suasana hari ini serangan orang bukan Islam seperti Yahudi dan Kristian terhadap umat Islam begitu hebat dilakukan oleh mereka dalam berbagai bentuk. Kita sebagai Umat Islam perlu berhati-hati dan berwaspada terhadap mereka.

AURAT WANITA DENGAN BUKAN MAHRAM ATAU LELAKI AJNABI

Berdasarkan surah al-Nur ayat 31 bermaksud :-

“Katakanlah kepada wanita yang beriman : Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya serta janganlah mereka menampakkan perhiasan, kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya, janganlah menampakkan perhiasannya, kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka atau putera-putera mereka atau putera-putera suami mereka atau saudara-saudara mereka atau putera-putera suami mereka atau saudara-saudara mereka atau putera-putera saudara lelaki mereka atau putera-putera saudara perempuan mereka atau wanita Islam atau budak-budak yang mereka miliki atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Janganlah mereka menghentakkan kaki mereka agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang beriman supaya kamu beroleh kemenangan.”

Berdasarkan maksud ayat di atas ulama' berbeza pendapat dalam menentukan aurat perempuan. Pendapat ini telah dimuatkan oleh Imam al-Syaukani dalam kitab Nayl al-Awtar :-

- a) Sebahagian ulama' berpendapat maksud ayat tersebut ialah semua tubuh kecuali muka dan kedua telapak tangan. Ini adalah pendapat al-Hadi, al-Qasim dan Abu Hanifah (dalam satu riwayatnya) dan Malik.
- b) Semua tubuh kecuali muka. Ini pendapat Ahmad bin Hambal dan Daud.(9)

Kesimpulan pendapat ulama' Mazhab Empat mengenai aurat wanita di luar solat dan Ihram serta di hadapan lelaki ajnabi ialah : (10)

- a) Para ulama' Mazhab Syafi'e dan Hambali bersepakat mengatakan bahawa aurat wanita di luar solat dan ihram serta di hadapan lelaki ajnabi adalah semua tubuhnya.
- b) Ulama Hanafi dan Maliki mengatakan aurat wanita di luar solat dan ihram serta di hadapan lelaki ajnabi ialah semua tubuh kecuali muka dan tapak tangan. Tetapi kedua-dua anggota itu (tapak tangan dan muka) wajib ditutup jika ditakuti menjadi fitnah kerana kecantikannya atau dihiasi dengan make-up atau perhiasan lain yang menyebabkan timbul kejahanatan dan kemungkar terutama bagi wanita muda yang berparas cantik dalam suasana masyarakat yang penuh dengan kemaksiatan dan tidak aman daripada fitnah.

Para ulama' mazhab yang mengatakan bahawa wajah dan kedua tangan tidak termasuk aurat, memberikan syarat bahawa wajah dan kedua tangan itu tidak boleh diberi perhiasan apa pun, seperti alat-alat 'make-up' yang ada sekarang. Seandainya hiasan 'make-up' itu dinampakkan di hadapan kaum lelaki di jalan-jalan, tidak ada keraguan lagi bahawa hal itu diharamkan menurut pendapat segenap imam mazhab (11). Walau bagaimanapun, Islam membolehkan wanita memperlihatkan auratnya di saat-saat darurat dan diperlukan seperti berubat pada saat tidak ada doktor wanita.

HUKUM LELAKI MELIHAT WANITA YANG BUKAN MAHRAM

Sebagaimana lelaki haram memandang kepada perempuan yang bukan mahram, maka begitulah juga perempuan diharamkan memandang kepada lelaki yang bukan mahram.

Dalilnya hadith dari Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W bersab 'a seperti yang diriwayatkan dari Allah azzawajalla (hadis Qudsi) maksudnya :

“ undangan itu adalah salah satu di antara panah Iblis, barang siapa
meninggalkannya kerana takut kepadaKu nescaya Aku akan memberikan
,anti kepadanya suatu keimanan yang akan ia rasakan kemanisannya di
dalam hatinya “.

AURAT SUARA

Ulama' berselisih dalam masalah suara wanita. Satu pendapat mengatakan suara wanita bukanlah aurat kerana isteri-isteri Nabi S.A.W telah bercakap-cakap dengan para sahabat (12). Mereka sering mendengar daripada isterinya penjelasan tentang beberapa hukum agama. Tetapi jika di takuti akan menimbulkan fitnah maka haram mendengar suaranya biarpun hanya mendengar bacaan al Quran. Ini adalah pendapat fuqaha mazhab Hanafi(13).

Satu pendapat lain pula mengatakan bahawa suara wanita bukanlah aurat jika percakapan itu merupakan perbualan biasa dengan lelaki ajnabi yang tidak ditakuti menimbulkan fitnah dan tidak terdapat tujuan mempengaruhi orang dengan kemanjaan suara, Allah berfirman dalam surah al-Ahzab : ayat 32 bermaksud :

“Janganlah kamu bercakap dengan suara yang lemah lembut kerana perbuatan itu akan menjadi punca ketamakan orang-orang yang mengidap penyakit hati terhadap diri kamu.”

Seandainya suara wanita itu dalam bentuk menarik dan manja serta boleh menimbulkan fitnah kepada lelaki ajnabi dalam apa keadaan pun seperti percakapan, nyanyian dan lain-lain, ia adalah haram hukumnya dan ia merupakan aurat. Para fukaha' telah mengharamkan wanita menyanyi di hadapan lelaki ajnabi sama ada nyanyian itu dalam bentuk yang melalaikan atau tidak. Tambahan pula adalah haram hukumnya bagi nyanyian yang mengandungi unsur-unsur yang menaikkan nafsu syahwat seperti lagu cinta, pemujaan terhadap wanita dan membawa kepada unsur lucah dan sebagainya.(14)

PENUTUP

Berdasarkan dalil al-Quran dan Hadith serta ijma' ulama' membuktikan bahawa menutup aurat adalah satu kewajipan yang asas yang mesti ditunaikan oleh setiap muslim sebagaimana kewajipan solat, puasa, zakat dan haji. Kepentingan menutup aurat ini bukan sahaja untuk individu berkenaan sahaja malah untuk melindungi masyarakat daripada gejala kemungkaran. Masykat Islam akan sejahtera dan bertamadun seandainya anggota masyarakat tersebut menghayati Islam sebagai al-Din (way of life) dan menjadikan al-Qur'an sebagai panduan hidup.

RUJUKAN

- 1) Muhammad Attiyah Khamis,Fiqh Wanita Solat,(terj.),(Kuala Lumpur : Penerbitan Hizbi,1987),hal 8
- 2) Mat Saat ab. Rahman, Fiqh semasa, dari kaca mata Islam, (Shah Alam :Penerbitan Hizbi 1988). Hal 1.
- 3) Muhammad Attiyah Khamis, hal 8.
- 4) Mat Saad Ab Rahman, Fiqh Semasa Satu Analisis isu-isu semasa dari dari kaca mata Islam , hal 2.
- 5) Wan Muhammad bin Wan Muhammad Ali al-Hijab, (Shah Alam : Dewan Pustaka fajar, 1984)hal 1

- 6) Ali as'ad, Fathul Mu'in,(tej)(jakarta, penerbitan Menara) halaman 100-101.
- 7) Wan Muhammad bin Muhammad Ali , al-Hijab, hal. 4
- 8) Mad Saad ab Rahman , fiqh semasa hal.5-6.
- 9) Yusuf al-Qardhawi, Fatwa Terkini, Wanita dan Keluarga Islam,(terj.),(pustaka syuhada),hal 23.
- 10) Ab Rahman al-Juzairi ,kitab al-Fiqh 'ala al-mazahib al-Arbah (mesir : Dar al-Hadith,) al-juz al-Khamis , hal. 46.
- 11) Tafsir ayat Hukum m/s -273.
- 12) Ab Rahman al-Juzairi, kitab al-fiqh al-mazahib al-Arbaah, hal. 46.
- 13) Muhammad Atiyah Khamis, fiqh wanita solat, hal. 67.
- 14) A Rahman al-Juzairi, kitab al-fiqh 'ala al-mazahib al-Arbah, hal.46.